

# *Politeknik Muadzam Shah raih enam pingat emas*



Peserta silat memperkenalkan aksi mereka pada perlawanan itu.



Peserta silat Kuipsas raih lima emas.

KUANTAN - Politeknik Muadzam Shah, Rompin muncul penyumbang terbanyak pingat apabila mendapat enam pingat emas, selain dua perak dan satu gangsa pada pertandingan Mini Silat Tiga Penjuru yang diadakan Dewan Utama Kuipsas, di sini, baru-baru ini.

Sementara Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (Kuipsas) meraih lima emas, tiga perak dan tiga gangsa dalam pertandingan sama.

Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTm) Kuantan pula meraih satu emas, satu perak dan tiga gangsa.

Pertandingan tersebut dirasmikan Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) Negeri Pahang, Azmi Mohd Asaari.

Ia diadakan bagi meningkatkan prestasi dan kecekapan pesilat bagi menghadapi perlawanan Universiti Pendidikan Sultan Idris

(UPSI) Open International Silat Championship yang akan berlangsung di UPSI pada 20 hingga 25 Mac depan.

Di samping itu, pertandingan berkenaan memupuk semangat pesilat dan memberi peluang kepada pesilat baharu mempelajari teknik-teknik dalam persilatan.